



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 14 JANUARI 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	KPKM KAJI KENAIKAN HARGA BELIAN PADI TEMPATAN, BERITA RTM -ONLINE PETANI TERTEKAN HARGA BELIAN PADI SEMAKIN RENDAH, NEGARA, KOSMO -12 PETANI PROTES HARGA BELIAN PADI MAKIN MENJUNAM, DALAM NEGERI, UM -35 KERAJAAN KAJI HARGA LANTAI BELIAN PADI RM1,300 SATU TAN, NASIONAL, BH -2 FIVE SEASON PADI PLANTING IN TWO YEARS TO BE LAUNCHED SOON -MOHAMAD, BERNAMA -ONLINE BOUNTIFUL, NATIONAL, THE SUN -2 GOVT REVIEWING PADI FLOOR PRICE, SAYS MAT SABU, NEWS, NST -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
8. 9.	GOTONG-ROYONG TURNS INTO ANIMAL CRUELTY STORM, VIEWS, THE STAR -13 DVS SITA KERETA, GUNI SUSPEK BUANG KUCING, KAJANG, SH -28	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
10. 11.	UBUR-UBUR API SANGAT BERBISA, BAWA MUDARAT, LOKAL, HM -16 UBUR-UBUR BERACUN MUNCUL DI PANTAI HIBURAN, ROMPIN PULA, KUANTAN, SH -29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12. 13.	PENDUDUK RIMAS 'BERPERANG' DENGAN LALAT, DALAM NEGERI, UM -35 PENGILANG BESAR CAMPUR BERAS PUTIH TEMPATAN, IMPORT ELAK RUGI?, DALAM NEGERI, UM -1 & 3	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2025	BERITA RTM	ONLINE	

KPKM kaji kenaikan harga belian padi tempatan



Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang mengkaji untuk menaikkan harga siling belian padi tempatan yang kini ditetapkan pada RM1,300 per tan / Foto Hiasan / Bernama

BANTING, 13 Januari – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang mengkaji untuk menaikkan harga siling belian padi tempatan yang kini ditetapkan pada

RM1,300 per tan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata terdapat laporan bahawa beberapa pengilang padi membeli padi tempatan daripada pesawah sehingga mencecah RM1,800 per tan.

"Itu sedang dikaji oleh semua pihak. Memang sekarang ini minimum RM1,300, tetapi kalau di Kedah pembeli beli sampai RM1,800. Masalahnya, apabila harga belian terlalu tinggi, bagaimana untuk menjual beras pada harga yang lebih rendah? Sebab itu kerajaan sedang meneliti perkara ini dari semasa ke semasa untuk menetapkan harga lantai," katanya.

Beliau berkata demikian semasa membuat lawatan kerja ke projek penanaman cili merah di Ladang Satelit Ehsan Tani, Sungai Kelambu, di sini.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mahfuz Omar.

Dalam perkembangan lain, Mohamad turut memaklumkan tentang kemerosotan bekalan beras putih tempatan di pasaran, yang antara puncanya disebabkan oleh banjir besar yang melanda Kelantan dan Terengganu hujung tahun lalu.

Banjir tersebut telah menjejaskan hampir 20,000 hektar tanaman padi.

Bagi mengatasi masalah itu, kerajaan merancang program penanaman padi dengan tuaian lima musim dalam tempoh dua tahun.

Program itu dijangka mampu meningkatkan bekalan beras putih tempatan secara signifikan.

"Kita cuba melaksanakan program lima musim untuk dua tahun. Perdana Menteri akan melancarkannya pada awal tahun ini, sama ada Januari atau Februari, di Kedah. Program ini adalah langkah untuk menambah hasil padi," jelas beliau.

Petani tertekan harga belian padi semakin rendah

SUNGAI PETANI – Kira-kira 200 petani melibatkan Kumpulan Petani Skim Kota 2, di Kota Kuala Muda, dekat sini tertekan dengan tindakan pihak pengilang yang menetapkan harga belian padi tidak konsisten dan semakin rendah sejak November lalu.

Seorang petani, Mohd. Yatim Ismail, 64, berkata harga belian padi pada musim lepas iaitu pada Ogos adalah RM1,800 per tan metrik, namun pada November harganya diturunkan kepada RM1,600 per tan metrik.

Katanya, petani kini dimaklumkan bahawa harga belian padi akan diturunkan lagi sehingga ke harga lantai iaitu RM1,300 per tan metrik pada musim ini.

"Situasi ini membuatkan petani di sini tertekan mandangkan kos pengeluaran penanaman padi yang meningkat, manakala harga belian padi

pula semakin menurun.

"Kami berasa seperti ditindas apabila terpaksa menanggung kos pengeluaran yang semakin meningkat, namun harga belian padi semakin turun sehingga menjejaskan pendapatan kami setiap musim," katanya ketika ditemui di Kampung Kubang Jambu, Kota Kuala Muda dekat sini semalam.

Seorang lagi petani, Azman Ahmad, 54, berkata, purata petani di kawasan ini menggunakan kira-kira sembilan hektar (2.5 relong) sawah padi dengan anggaran kos pengeluaran minimum bagi 0.3 hektar (satu relong) yang ditanggung antara RM2,500 hingga RM3,000 semusim.

Katanya, jika pengilang membeli hasil padi pada harga lantai RM1,300 per tan metrik, purata keuntungan petani untuk 0.3 hektar sawah hanya RM1,100 un-

tuk satu musim.

"Jika dibahagi dengan enam bulan (satu musim) pendapatan petani di sini hanya sekitar RM366a sebulan untuk menyara hidup dalam keadaan kos sara hidup yang semakin tinggi pada masa ini," katanya.

Rakannya, Chuah Nya, 77, berharap harga belian padi dapat dikekalkan kepada minimum RM1,800 per tan metrik bagi membolehkan golongan petani untuk terus bertahan dalam sektor ini.

"Sekarang ini semua mahal... traktor, racun, mesin padi dan upah semua mahal, ada masa hasil padi pun tak berapa menjadi... jadi kami rugi.

"Kadang-kadang hasil padi serelong pun tak sampai satu tan, jadi saya harap sangat pihak yang terlibat dapat membantu kami," katanya.



KIRA-KIRA 200 petani mengadakan demonstrasi aman berkaitan isu masalah harga belian padi di Kampung Kubang Jambu, Kota Kuala Muda, Sungai Petani semalam.

14/1/2025

UTUSAN

MALAYSIA

DALAM

NEGERI

35

Petani protes harga belian padi makin menjunam

Oleh NUR SYAZWANA MANSOR
MANSOR@BERITAUTAMA.COM

SUNGAI PETANI: Kira-kira 200 petani melibatkan Kumpulan Petani Skim Kota 2 di Kuala Muda, di sini semakin tertekan dengan tindakan pihak pengurusan kerajaan untuk mengurangkan harga beli padi. Petani-petani ini mendakwa harga beli padi semakin rendah sejak November berlepas.

Petani, Mohd. Yatim Ismail, 64, berkata, harga beli padi pada tahun 2024 adalah RM1,800 per ton metrik, namun diturunkan menjadi RM1,600 per ton metrik pada November.

“Saya dan petani lain di kampung ini sangat marah dengan tindakan kerajaan ini kerana harga beli padi akan diturunkan lagi sehingga mencecah harga lanta RM1,300 per ton metrik pada musim ini,” katanya.

Pengetik, Mohd. Yusoff, berkata, petani-petani ini mendakwa kos pengeluaran penanaman padi semakin meningkat, manakala harga beli padi pula semakin menurun.

“Jika pengilang membeli hasil padi dengan harga lanta RM1,300 per ton metrik, purata petani hanya dapat RM1,000 per ton metrik, maka itu petani-petani ini terpaksa menjual hasil padi mereka dengan harga yang lebih rendah,” katanya.

“Kalau dibahagi dengan enam bulan atau setahun, itu adalah kerugian yang besar,” katanya.

REMAU: Penduduk di Kampung Sungai Batu, Pedas, Terengganu, di sini rimas dengan tindakan kerajaan untuk mengurangkan harga beli padi yang dipercayai berpunca daripada aktiviti pertanian yang komersial.

Penduduk, Siti Farhana Buayung, berkata, harga beli padi pada tahun 2016 disebabkan aktiviti pertanian yang komersial tidak dapat dari kawasan pertanian yang komersial. Namun, harga beli padi kini kembali diturunkan.

“Saya tidak sanggup membuka tanah untuk menanam padi kerana harga beli padi yang rendah. Saya hanya menanam padi untuk makan sendiri,” katanya.

“Saya akan menggunakan 10 hingga 20 keping petangap la-



KIRA-KIRA 200 petani melibatkan Kumpulan Petani Skim Kota 2 mengadakan demonstrasi untuk protes harga belian padi di Kampung Kubang Jambu, Kota Kuala Muda di Sungai Petani.

Petani, Azman Ahmad, 54, berkata, purata petani di kampung ini hanya dapat RM1,000 per ton metrik, manakala harga beli padi adalah RM1,800 per ton metrik. Beliau berkata, petani-petani ini terpaksa menjual hasil padi mereka dengan harga yang lebih rendah.

“Kalau dibahagi dengan enam bulan atau setahun, itu adalah kerugian yang besar,” katanya.

“Saya akan menggunakan 10 hingga 20 keping petangap la-

Penduduk rimas 'berperang' dengan lalat

komersial juga,” katanya ketika ditemui di Kampung Sungai Batu, Pedas, Terengganu, di sini, semalam.

Penduduk, Bakhtiar Raidin, 44, yang sudah 10 tahun menetap di kampung ini menyedak dengan masalah lalat yang mula sejak dua tahun lalu.

Bagaimanapun katanya, walaupun lalat tidak begitu teruk seperti sekarang, hingga ke tahap yang mengganggu aktiviti pertanian, namun ia tetap mengganggu aktiviti harian.

“Rumah saya terkejut jadi sedikit dari reban berkenaan tetapi situasi di kawasan makan ini sangat teruk. Saya dan isteri saya dan penduduk kampung merayu reban ayam di hujung kampung ini ditutup segera,” katanya.

Selain itu, Pegawai Daerah Terengganu, Mohd. Zamri Mohd. Esa ketika dihubungi berkata, pihaknya akan menyiasat aduan berkenaan dan mengambil tindakan bersepadu.



SITI FARHANA BUAYUNG menunjukkan petaka dipenuhi lalat ketika ditemui di Kampung Sungai Batu, Pedas, Terengganu, semalam. - UTUSAN/NOOR ANNA KHAZAM

petani dengan masalah ini yang kami percaya berpunca dari masalah ini. Di kampung ini, pada aktiviti penternakan ayam hampir 30 buah rumah juga ter-



Mohamad (tiga dari kiri) bersama petani menunjukkan hasil cili merah ketika melawat Projek Ladang Satelit Ehsan Tani, di Kampung Sungai Kelambu, Banting, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

Kerajaan kaji harga lantai belian padi RM1,300 satu tan

**Kadar terlalu
tinggi dibimbangi
beri kesan
harga jualan
beras tempatan**

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Kuala Langat: Kerajaan dan beberapa pihak lain meneliti dari semasa ke semasa harga lantai belian padi yang ketika ini pada kadar RM1,300 satu tan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata ia diteliti oleh semua pihak dalam industri dari semasa ke semasa tetapi menegaskan harga lantai yang terlalu tinggi akan memberi kesan kepada harga jualan beras tempatan.

Beliau berkata, walaupun harga lantai belian padi di Kedah ialah RM1,300 satu tan, ada kilang di negeri itu yang membeli sehingga RM1,800 satu tan.

"Itu (harga lantai belian padi) sedang dikaji oleh semua pihak. Memang sekarang ini minimum RM1,300 tapi di Kedah padi dibeli sampai RM1,800 satu tan."

"Masalahnya apabila beli terlalu tinggi bagaimana nak jual pula beras dengan harga agak murah? Sebab itu kerajaan melihat dari semasa ke semasa untuk meletakkan harga lantai," katanya semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat Projek Ladang Satelit Ehsan Tani di Kampung Sungai Kelambu, Banting, di sini.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar dan Ketua Pengarah LPP, Amir Matamin.

Sebelum ini, kerajaan menetapkan harga lantai belian padi adalah pada RM1,300 satu tan, dengan pengilang menawarkan harga belian lebih tinggi, iaitu antara RM1,500 hingga RM1,800 satu tan di pasaran terbuka.

Bagaimanapun, Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) membantah penetapan tersebut yang diputuskan pada mesyuarat pengilang beras bersama Ketua Pengarah Bahagian Industri Padi dan Beras, baru-baru ini.

Kos pengeluaran meningkat

Pengerusi PeSAWAH, Abdul Rashid Yob, dilaporkan berkata, penetapan harga itu tidak adil dan tidak mencerminkan realiti kos pengeluaran padi yang semakin meningkat ketika ini.

Pada Ogos 2023, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga mengumumkan kenaikan kadar Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) daripada RM360 satu tan kepada RM500 satu tan.

Pengumuman itu akan menyaksikan pesawah negara ini memperoleh RM1,700 bagi satu tan pengeluaran padi.

Sementara itu, Mohamad berkata, Anwar dijangka melancarkan Projek Penanaman Padi Li-

ma Musim Dua Tahun yang telah diumumkan pada Belanjawan 2025, selewat-lewatnya Februari ini.

Beliau berkata, pelaksanaan projek itu satu daripada langkah berterusan kerajaan untuk meningkatkan hasil padi negara.

"Projek penanaman padi lima musim dua tahun ini (akan) kita laksanakan awal tahun ini, antara Januari atau Februari di Kedah," katanya.

Beliau berkata, industri padi juga berdepan cabaran apabila hujung tahun lalu banjir yang melanda Kelantan dan Terengganu telah mengakibatkan kemusnahan hasil sehingga 20,000 hektar.

Beliau berkata, bencana itu antara punca bekalan beras terus merosot di pasaran.

"Itu masih kita buat dengan pelbagai pemain industri, penanam padi dan sebagainya."

"Pegawai kita sedang bincang secara intensif dan paling penting bagaimana nak meningkatkan hasil beras."

"Pada masa ini, kita berikhtiar dengan pelbagai cara meskipun hilang lebih 20,000 hektar hasil pembangunan dan anak muda pula tidak mahu menyambung sawah yang diusahakan oleh ibu bapa mereka," katanya.

Pada 18 Oktober lalu, ketika membentangkan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat, Anwar mengumumkan pelaksanaan projek itu di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Fasa 1 membabitkan peruntukan hampir RM1 bilion dengan keluasan sekitar 11,000 hektar.



GENERAL > NEWS

Five-season Padi Planting In Two Years To Be Launched Soon – Mohamad

13/01/2025 03:19 PM



BANTING, Jan 13 (Bernama) -- Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim is expected to launch the five padi planting seasons in two years next month at the latest, said Agriculture and Food Security Minister (KPKM) Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said the launch of the five padi planting seasons in two years is one of the efforts by the government to increase and increase the country's padi yield.

"We are trying to implement this five-season padi planting project this year in Kedah," he told reporters after a working visit to the Ehsan Tani Satellite Farm Project in Sungai Kelambu, Banting here today.



During the tabling of Budget 2025 in the Dewan Rakyat last October, Anwar announced the implementation of the five-season padi planting in two years in the Muda Agricultural Development Authority (MADA) area covering 11,000 hectares and involved an allocation of almost RM1 billion.

The project is expected to increase padi yield by 15 per cent and increase the income of 6,100 padi farmers by 43 per cent.

Meanwhile, Mohamad said the ministry, together with industry players, has held intensive discussions to find the best method to increase the country's padi yield.




He said a study was also being carried out by the ministry and the Malaysian Competition Commission (MyCC) on the current position and availability of local rice in the market.

The government is also looking into setting a floor price for the purchase of local rice which is currently at RM1,300 per metric ton.

Earlier, Mohamad said 20 local farmers were involved in the Ehsan Tani Satellite Farm Project which involved an allocation of RM3 million for chilli planting covering 4.04 hectares.

-- BERNAMA



BERNAMA provides up-to-date authentic and comprehensive news and information which are disseminated via BERNAMA Wires; www.bernama.com; BERNAMA TV on Astro 502, unifi TV 631 and MYTV 121 channels and BERNAMA Radio on FM93.9 (Klang Valley)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2025	THE SUN	NATIONAL	2



BOUNTIFUL ... Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu harvesting red chillies during a working visit to *Projek Ladang Satelit Ehsan Tani* at Sungai Kelambu in Banting, Selangor yesterday. – **BERNAMAPIÇ**

RM1,300 PER TONNE

Govt reviewing padi floor price, says Mat Sabu

KUALA LANGAT: The government is reviewing the padi purchase floor price, now set at RM1,300 per tonne.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said despite the floor price being set at RM1,300, some millers have paid farmers as much as RM1,800 per tonne.

"The challenge with setting a high price is that millers need to determine how they will sell it to consumers at an affordable rate.

"This is why the government continues to assess the situation before adjusting the floor price."

He said this after visiting the Ehsan Tani satellite farm project in Kampung Sungai Kelambu, Banting here.

On another issue, Mohamad Sabu said his ministry was taking steps to boost local white rice production.

He said the floods in Kelantan and Terengganu at the end of last year destroyed up to 20,000ha of padi, adding that this was a major factor in the rice shortage.

"We are working with industry

PRAYER TIMES						
	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
	(am)			(pm)		
Melaka	6:08	7:21	1:23	4:46	7:22	8:35
Penang	6:20	7:31	1:30	4:52	7:24	8:38
K. Lumpur	6:12	7:23	1:25	4:47	7:23	8:36
Johor Baru	6:01	7:13	1:16	4:40	7:16	8:30
Kuantan	6:06	7:19	1:19	4:42	7:17	8:31
Ipoh	6:16	7:26	1:28	4:50	7:23	8:37



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (centre) with produce from the Ehsan Tani satellite farm project in Banting, Kuala Langat, yesterday. With him is Farmers Organisation Authority chairman Datuk Mahfuz Omar (right). NSTP PIC BY FAIZ ANUAR

players and rice growers. Our officials are holding discussions and finding ways to increase the rice yield.

"We are trying many ways, even though more than 20,000ha have been lost and many youth don't want to continue the rice

fields cultivated by their parents."

Mohamad said the rice planting programme that could produce five harvests in two years could solve the local white rice shortage.

"We are trying to redevelop pa-

di fields in various ways, through the government, private sector or individuals.

"The programme will be launched by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim either in January or February, in Kedah."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2025	THE STAR	VIEWS	13



Viral video: A screencap showing a group of men putting cats into sacks at an apartment in Cheras recently.

Gotong-royong turns into animal cruelty storm

KAJANG: In what was supposed to be a gotong-royong to clean up the surroundings of an apartment block in Cheras, even cats were rounded up into gunny sacks and disposed of.

A viral video of the incident caught the eye of veterinary officers, who went over and seized several cages and sacks from a unit in the block at Batu 9 on Sunday.

A vehicle parked below was also seized. The Selangor Veterinary Department said a team was dispatched to the scene on Sunday based on the clip showing a group of men rounding up cats and disposing of them.

It said checks revealed that the incident occurred between 9am and 3pm on Saturday during a gotong-royong organised by the apartment's joint management body.

It said statements were also recorded from several persons believed to have been involved in the incident.

An investigation is being conducted under Subsection 29(1) of the Animal Welfare Act 2015.

"The investigation paper will be referred to the Selangor Prosecution Unit once the probe is completed," it said.

A representative of the group caught on camera denied allegations of animal abuse.

The group has also lodged a police report.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2025	SINAR HARIAN	KAJANG	28

DVS sita kereta, guni suspek buang kucing

Turut rakam percakapan individu berkenaan

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
KAJANG

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor menyita kereta Nissan Sentra, beberapa guni dan sangkar disyaki digunakan sekumpulan individu bagi mengangkut kucing sebelum dibuang.

DVS dalam satu kenyataan menjelaskan, individu terbabit dalam perbuatan seperti yang tular di media sosial turut dirakam percakapan.

"DVS mengesan video berdurasi 37 saat yang tular di pelbagai platform media sosial sejak Sabtu memaparkan sekumpulan orang awam meletakkan beberapa ekor kucing di dalam guni dan memasukkannya ke dalam but kereta jenis sedan.

"Bertindak atas maklumat, sepasukan Pegawai Kebajikan Haiwan Negeri Selangor bergegas ke lokasi aduan untuk menjalankan pemeriksaan," katanya.

Menurutnya, pemeriksaan awal mendapati kejadian berlaku antara



Sekumpulan individu didakwa menangkap beberapa ekor kucing dan memasukkannya ke dalam guni dipercayai untuk dibuang ke tempat lain pada Sabtu.

jam 9 pagi dan 3 petang Sabtu.

"Ia membabitkan penduduk di sekitar lokasi aduan yang terlibat dalam program gotong-royong anjuran bersama pihak pengurusan bangunan (JMB) perumahan berkenaan.

"Pasukan menyita kereta Nissan Sentra, beberapa unit guni dan sangkar yang dipercayai digunakan untuk mengangkut beberapa ekor kucing untuk siasatan lanjut," katanya.

Ujarnya, keterangan suspek terbabit diambil mengikut Seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593).

"Kes disiasat mengikut Subseksyen 29(1) Akta Kebajikan

Haiwan 2015 [Akta 772] dan kertas siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya negeri Selangor setelah siasatan dilengkapkan," katanya.

Pada Ahad, *Sinar Harian* melaporkan, polis menerima dua laporan berhubung penganiayaan beberapa kucing yang didakwa disumbat dalam guni dan dibuang di sebuah kawasan pangsapuri Batu 9, Cheras di sini.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof dilaporkan berkata, salah satu laporan adalah daripada wakil kumpulan individu terbabit yang menafikan menganiaya dan mendera haiwan itu.



Ubur-ubur api sangat berbisa, bawa mudarat

Kuantan: Orang ramai dinasihati supaya berhati-hati dengan kehadiran ubur-ubur api yang kini terdampar di sepanjang pantai Rompin, khususnya di Pantai Hiburan. Majlis Daerah Rompin (MDR) memaklumkan spesies yang diklasifikasikan dalam kumpulan hydrozoan marin itu mudah dikenali dengan warna kebiruan lutsinar.

“Kesan Sengatan ubur-ubur *Portuguese man o' war* (*Physalia physalis*) boleh menyebabkan kesakitan pada kulit. Kulit terasa panas dan kemerahan, melepuh, kebas, gatal, sakit perut, muntah dan pening. Sengatan ubur-ubur ini dapat dilihat seawal tiga minit. Jika disengat, disarankan untuk segera mendapatkan rawatan,” katanya dalam hantaran di Facebook rasmi MDR, semalam.

Sehubungan itu, MDR menasihati orang ramai

supaya tidak menyentuh hidupan beracun itu termasuk yang mati kerana boleh memberi kesan berbahaya.

Sementara itu, Pejabat Perikanan Daerah Rompin mengesahkan terdapat ubur-ubur beracun daripada spesies *Physalia physalis* di pantai Hiburan, Kuala Rompin selepas menerima aduan daripada nelayan.

Ketua Daerah Perikanan, Pejabat Perikanan Rompin, Mohd Sharifuddin Abdul Manan memaklumkan ubur-ubur terbabit sangat berbisa dan boleh memudaratkan kepada manusia.

Katanya, kehadiran ubur-ubur itu dipercayai akibat daripada fenomena air pasang besar.

“Tindakan awal yang dilakukan ialah mengeluarkan notis kepada orang ramai supaya tidak menyentuh ubur-ubur bagi mengelakkan daripada terkena sengatan,” katanya.

Ubur-ubur beracun muncul di Pantai Hiburan, Rompin pula

FOTO: APM ROMPIN

KUANTAN - Pengunjung dinasihatkan supaya berwaspada dengan kehadiran ubur-ubur api yang kini terdampar di sepanjang Pantai Hiburan, Rompin.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Pahang, Abdullah Jaafar berkata, kemunculan haiwan tersebut di pantai kerana dikhuatiri daripada spesies berbahaya.

"Setakat ini hanya pantai di Rompin sahaja dikesan ada ubur-ubur spesies *Portuguese man o' war* (*Physalia physalis*).

"Elakkan menyentuh kerana sengatannya beracun dan boleh mendatangkan kesan kecederaan teruk atau sehingga kematian," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Terdahulu, Majlis Daerah Rompin

memaklumkan spesies yang diklasifikasikan dalam kumpulan hydrozoan marin itu mudah dikenali dengan warna kebiruan lut sinar.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan di Facebook, senganan ubur-ubur *Portuguese man o' war* boleh menyebabkan kesakitan pada kulit.

Sementara itu, Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Daerah Rompin, Leftenan Pertahanan Awam Muhammad Izam Ismail berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian tersebut daripada petugas pembersihan Alam Flora.



ABDULLAH

Menurutnya, spesies *Physalia physalis* itu dikenali terdampar sejak jam 10 pagi Isnin.

"Kita bersama pasukan keselamatan pantai menjalankan pemantauan dan menasihatkan pengunjung agar tidak menyentuh ubur-ubur tersebut.

"Malah, kita juga mengambil langkah mengutip haiwan untuk mengurangkan risiko kepada pengunjung," katanya.

Pada Isnin, *Sinar Harian* turut melaporkan spesies sama turut ditemui di Pantai Rhu Muda, Kuala Nerus, Terengganu.

Ubur-ubur spesies *Portuguese man o' war* ditemui terdampar di Pantai Hiburan pada Isnin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	1

Pengilang besar campur beras putih tempatan, import elak rugi?

Oleh MOHD. HAFIZ

ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Beras putih tempatan yang dijual pada harga rendah RM26 bagi 10 sekilogram (kg) mendorong pengilang-pengilang besar mencampurkannya dengan beras import dan dijual pada harga RM32.

Tindakan itu dipercayai bagi mengelak syarikat daripada menanggung kerugian seperti yang dialami pengilang-pengilang padi kecil yang kerugian mencecah RM900 juta setahun ekoran harga belian padi tinggi sedangkan harga beras masih rendah.

Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman berkata, harga lantai padi ketika ini RM1,300 per tan metrik, manakala harga beras RM26 setiap 10 kg sejak 16 tahun lalu.

Bersambung di muka 3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Pengilang besar campur beras putih tempatan, import elak rugi?

Dari muka 1

Kata beliau, sepatutnya har- ga beras dinaikkan dan dijual RM32.00 setiap 10 kg bagi me- nyamai harga lantai RM1,300 per tan metrik agar semua pihak termasuk pengilang, pembo- rong dan petani tidak terbeban.

“Sekarang ini harga beras tempatan masih kekal RM26 se- tiap 10 kilogram yang tidak per- nah disemak sejak 16 tahun lalu iaitu ketika harga belian padi ketika itu sekitar RM950 per tan metrik.

“Pada harga RM1,300 per tan metrik dan apabila berlaku ‘perang harga’ dalam kalangan pengilang besar yang memili- ki syarikat pemborong beras sendiri, mereka tawar harga belian kepada pesawah seh- ingga mencecah RM1,800 per tan metrik, sekali gus memberi kesan kepada pengilang-pengi- lang lain,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurut Marzuki, jika hen-

gak menghasilkan beras pada kadar RM26 setiap 10 kg dengan kos yang perlu ditanggung pen- gilang, ia memerlukan harga be- lian padi sekitar RM900 per tan metrik.

Tetapi, katanya, apabila pen- gilang membeli pada harga lantai RM1,300 per tan metrik, maka sepatutnya harga ber- as tempatan dijual pada harga RM32 setiap 10 kg.

Beliau berkata, belian padi pada harga lantai RM1,300 de- ngan beras pula masih dijual pada harga RM26 akan menye- babkan pengilang terpaksa tanggung kerugian RM600 per tan metrik beras.

“Sekiranya jumlah pengha- silan beras tempatan adalah sekitar 1.5 juta tan metrik, ma- ka pihak pengilang yang me- rangkumi kira-kira 70 buah di seluruh negara itu terpaksa me- nanggung kerugian mencecah RM900 juta setahun.

“Masalah itu juga menjadi punca banyak pengilang Melayu

terpaksa gulung tikar manaka- la masih beroperasi yang tidak sampai 10 kilang pula dalam keadaan tenat dan menunggu masa untuk tutup kerana tidak mampu lagi menanggung keru- gian sejak dua tahun lalu.

“Perlu diingat, harga be- ras RM26 itu dibuat berdasar- kan harga belian padi ketika itu (sejak 16 tahun lalu) iaitu RM950 per tan metrik. Apabila harga lantai dinaikkan kepa- da RM1,300, sepatutnya harga beras juga perlu disemak dan dinaikkan, tetapi ini tidak ber- laku.

“Dalam perbincangan tidak rasmi pada 6 Januari lalu, semua pengilang menyatakan sudah tidak mampu lagi menanggung kerugian ekoran harga belian padi yang tinggi. Ia memerlukan semakan harga beras tempatan agar memberi keadilan kepada semua pihak iaitu pengguna, pemborong, pengilang dan juga petani sendiri,” katanya.

Marzuki berkata, harga be-

ras tempatan RM26 ketika ini sudah tidak relevan dan sekira- nya pihak Kementerian tidak menyemak semula harga ini, maka pihak kilang tidak dapat tawarkan harga belian padi yang lebih tinggi daripada harga lantai padi.

Katanya, membeli padi dari- pada pesawah pada harga lantai RM1,300 dalam keadaan harga beras masih pada kadar RM26 itu juga telah menyebabkan pengilang mengalami kerugian.

“Oleh itu saya sarankan agar pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyemak semula harga beras dan seragamkan harga beras pu- tih tempatan dengan harga ber- as putih import dalam memas- tikan semua pihak mendapat manfaat, katanya.

Kata beliau, apabila dunia diserang pandemik Covid-19 sebelum ini, kenaikan harga be- ras dunia telah melambung dan banyak negara mengeksport te- lah menyekat eksport.